



## PEMANTAPAN MODAL INSAN

Rancangan Malaysia Ke-11 telah membuka lembaran kejayaan kepada MARDI apabila MARDI telah melahirkan pegawai – pegawai Institut yang berkelayakan tinggi yang memacu teknologi seiring dengan pencapaian kemajuan negara. MARDI telah menerima peruntukan sebanyak RM29,757,000.00 sepanjang tahun 2016 sehingga tahun 2020 untuk membangunkan kumpulan penyelidik dan pentadbir yang berkompentensi tinggi dan produktif di dalam penyelidikan sektor pertanian dengan melaksanakan program latihan jangka panjang (latihan akademik) di dalam dan luar negara dengan pencapaian keseluruhan adalah sebanyak 105 orang iaitu 20% daripada keseluruhan pegawai memiliki akademik peringkat Ijazah Doktor Falsafah dan 395 orang pegawai iaitu 75% daripada keseluruhan pegawai memiliki Sarjana. Outcome projek ini merangkumi peningkatan bilangan kepakaran dalam bidang penyelidikan agromakanan dan jaminan kesinambungan kepakaran dalam bidang khusus. Mulai tahun 2021 sehingga 2023, pertambahan pegawai berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah telah meningkat sehingga 20.5% yang menunjukkan daya saing yang tinggi untuk memajukan Institut di persada antarabangsa. **Infografik 1** menunjukkan status bilangan pegawai penyelidik yang memiliki kelayakan tertinggi sama ada di peringkat ijazah Sarjana Muda (Bsc), Sarjana (Masters) dan Doktor Falsafah (PhD).



**PENCALONAN ANUGERAH, DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN TAHUN  
2022/2023 MENGIKUT NEGERI**



Pada Tahun 2022, seramai **35 pegawai MARDI** dari Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan Kanan, Pengurusan & Profesional (P&P) dan Kumpulan Pelaksana telah dikemukakan kepada KPKM bagi tujuan **Pencalonan Anugerah, Darjah Dan Bintang Kebesaran Mengikut Negeri Bagi Sesi 2022/2023**

**PENERIMA ANUGERAH, DARJAH DAN BINTANG KEBESARAN SEHINGGA 15  
MAC 2023**



Nama : Sadi Bin Sujang (K.15723)  
 PTJ : Pusat Penyelidikan Sains Ternakan (LS), Ibu Pejabat  
 Darjah Kebesaran : Pegawai Bintang Sarawak (P.B.S)  
 Tarikh Anugerah : 9 Februari 2022  
 Catatan : Pencalonan Tahun 2020/2021  
 Pencalonan : MARDI



Nama : Nik Adli Bin Nik Muhammad (K.17267)  
 PTJ : Pejabat Ketua Pengarah (DG), MARDI Melaka  
 Darjah Kebesaran : Bintang Cemerlang Melaka (B.C.M)  
 Tarikh Anugerah : 24 Ogos 2022  
 Catatan : Pencalonan Tahun 2022  
 Pencalonan : Kerajaan Negeri Melaka